

Pilihan Nor tepat

Kini miliki 6 cawangan Smart Reader Kids di Bandar Baru Bangi

>>Oleh Ruhaiza Rusmin
ruhaizarusmin@hmetro.com.my

MINAT mendalam dalam pendidikan prasekolah kanak-kanak menjadi pemungkin kepada Datin Nor Hidayawati Jaafar memulakan langkah dalam perniagaan francais Smart Reader Kids. Lapan tahun berkecimpung, akhirnya dia membuktikan pilihannya tepat kerana kini mempunyai enam cawangan Smart Reader Kids di Bandar Baru Bangi, Selangor.

Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Putra Malaysia (UPM), dia berminat dalam pendidikan prasekolah kanak-kanak kerana yakin aspek diketengahkan di Smart Reader Kids selari dengan minat kanak-kanak iaitu belajar melalui bermain.

“Melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang diwarnai dengan aktiviti bermain, meluaskan minda

kanak-kanak, malah memberi peluang mereka meneroka, menjelajah, bertanya mengenai penemuan dan pembinaan sahsiah diri secara semula jadi.

“Ini satu proses digemari mereka dan tidak dapat dipisahkan. Justeru, konsep pendidikan seperti ini memang sesuai,” katanya. Smart Reader Kids juga menekankan proses pembelajaran berdasarkan pengalaman pembelajaran bagi mengasah bakat dan potensi pelajar terutama dalam aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan memasuki sekolah rendah.

Bersama Smart Reader Kids, dia memenangi beberapa anugerah antaranya Pencapaian Terbaik Usahawan Francais Wanita 2011 di Stevie Awards New York, Amerika Syarikat, Anugerah Usahawan 2008 (Malaysia-Canada Business Council),



BAKAT...kanak-kanak yang belajar di Smart Reader Kids dide dahkan dengan konsep belajar sambil bermain untuk menjadikan proses pembelajaran lebih menarik.

Anugerah Usahawan Muda 2008 dan Anugerah Francais 2009 (Persatuan Francais Malaysia) selain merangkul Anugerah Kategori Platinum dan Diamond pada Malam Anugerah Francais Smart Reader Worldwide pada 2009 dan 2010.

“Saya cukup bertuah kerana dapat melakukan usaha ini selari dengan minat, malah

memberikan kejayaan yang cukup membanggakan.

“Saya bertekad menjadikan Smart Reader Kids jenama pendidikan kanak-kanak terunggul,” katanya, Hubungi SmartLine 1-300-82-5555 atau layari laman web www.smartreader.edu.my atau www.smartreaderkids.edu.my untuk maklumat lanjut.



KOMITED...minat mendalam terhadap pendidikan prasekolah kanak-kanak menjadikan Nor Hidayawati bangga bersama perniagaan francais Smart Reader Kids.